

TARIKH	2 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	17	RUANGAN	Nasional

4,000 bakal haji tamat kursus

» Fokus latihan praktikal tawaf, saie

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bharian.com.my

► Shah Alam

Lambaian Kaabah semakin menghampiri dan kursus haji bagi tahun ini juga sudah sampai ke kemuncaknya.

Bagi Selangor, program Kursus Haji Perdana peringkat negeri diadakan selama dua hari berakhir hari ini yang dianjurkan pengurusan Tabung Haji (TH) Selangor di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini.

Sultan Selangor, Sultan

Sharafuddin Idris Shah dijangka berkenan berangkat menyempurnakan majlis penutup program terbabit, hari ini.

Pengarah TH negeri, Md Ridza Md Zain, ketika ditemui berkata, kursus kali ini disertai lebih 4,000 jemaah dari seluruh Selangor dan memberi penekanan kepada faktor praktikal seperti tawaf serta saie selain perkara membabitkan hukum dan teori yang dipelajari sepanjang kursus haji dijalani bakal jemaah sebelum ini.

Simulasi sama

“Sepanjang kursus, kita adakan simulasi sama seperti di Makkah seperti penyediaan maktab haji dan simulasi ketika di Padang Arafah. Lebih 50 petugas kakitangan TH dari setiap bahagian dan cawangan di Selangor terbabit dalam

program ini bersama penceramah bertauliah,” katanya.

Katanya, kumpulan pertama jemaah haji dijangka berlepas ke Tanah Suci melalui penerbangan 17 September ini.

Mengenai kesukaran yang mungkin ditempuh bakal jemaah Malaysia, Ridza berkata, setiap jemaah dinasihatkan memberi penekanan aspek kesihatan bagi membolehkan mereka menjalani ibadat haji dengan sebaik-baiknya di Makkah.

“Suasana di sana berbeza, suasana juga sesak kerana berjuta umat Islam menunaikan ibadat haji. Saya doakan semua jemaah haji Malaysia terutama dari Selangor dapat fokus kepada ibadat agar ibadat mereka dipermudahkan, seterusnya memperolehi haji mabrur,” katanya.



Sebahagian bakal haji melakukan latihan tawaf pada program Kursus Haji Perdana 2012 di Shah Alam, semalam. [FOTO ROSLIN MAT TAHIR/BH]